

Keluarga berkumpul saksikan Istiadat Kemahkotaan

MUAR 23 Mac - Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar di Istana Besar, Johor Bahru, turut disaksikan rakyat dari seluruh negeri ini menerusi siaran secara langsung di televisyen.

Antaranya, keluarga **Mohd. Sali-hudin Rasul**, 49, dari Kampung Tengah, Simpang Jeram di sini yang turut tidak mahu melepaskan detik bersejarah itu dan sudah sedia berkumpul di hadapan televisyen sejak pukul 8.15 pagi.

Beliau yang merupakan seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Pasir, Pagoh menonton istiadat tersebut bersama ibu, Rahimah Rahmat, 79, isteri, **Fadzilah Mokhtar**, 48, dan anak-anaknya.

“Walaupun tidak dapat menyaksikan istiadat ini di Johor Bahru, tetapi kami tetap menontonnya di rumah. Ini merupakan kemegahan rakyat negeri ini dan lambang Kesultanan Johor.

“Menonton istiadat ini akan menambah rasa cinta terhadap Sultan Johor kerana Sultan merupakan lambang kedaulatan dan payung kepada semua rakyat di negeri ini. Ini adalah satu hari kebesaran negeri,” katanya ketika ditemui di rumahnya di sini.

Dia yang lebih dikenali sebagai Ustaz Din dalam kalangan penduduk setempat mengakui mempunyai nostalgia bersama Sultan Ibrahim semasa bertugas di SMK Rantau Panjang, Kota Tinggi pada lewat 1980-an dan awal 1990-an.

Semasa mengajar di situ dari tahun 1988 sehingga 1992, Sultan Ibrahim yang ketika itu Tunku Mahkota Johor (TMJ) sering datang berburu di kawasan berdekatan bersama ayahanda baginda, Almarhum Sultan Iskandar Sultan Ismail.

Katanya, setiap tahun baginda berdua akan singgah di SMK Rantau Panjang untuk beramah mesra

dengan guru-guru dan pelajar sebelum berangkat pergi memburu di kawasan hutan yang bersempadan dengan Kulaijaya.

Sementara itu, Fadzilah yang mengajar di Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Bukit Batu, Bakri mengakui teruja menyaksikan istiadat tersebut yang berkemungkinan hanya dapat disaksikan sekali dalam seumur hidup.

“Sebelum menonton istiadat ini, saya sudah melihat dokumentari tentang Sultan Ibrahim di televisyen malam tadi dan semasa perhimpunan di sekolah semalam, guru besar berpesan kepada semua supaya menonton detik bersejarah ini,” katanya.

Anaknya, **Anis Farahin**, 21, yang kini menuntut di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Kuantan, Pahang berkata, istiadat tersebut amat unik selepas kali terakhir diadakan kira-kira 55 tahun lalu.



Menonton istiadat ini akan menambah rasa cinta terhadap Sultan Johor kerana Sultan merupakan lambang kedaulatan dan payung kepada semua rakyat di negeri ini.”

**MOHD.
SALIHUDIN
RASUL**